

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan puncanya bekalan elektrik terputus di lima negeri pada 7hb Mei 2014 sungguhpun rizab tenaga adalah 31%, sama ada ini membuktikan kegagalan IPP, apakah hukuman dikenakan, (kalau tidak mengapa), sebabnya Project 4A (*Combined Cycle Gas Turbine*) tidak diberikan secara tender terbuka tetapi rundingan terus dan nyatakan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Punca bekalan elektrik terputus pada 7hb Mei 2014 di enam negeri antaranya adalah disebabkan oleh 2 unit penjanaan di Stesen Jana Kuasa Arang Batu Janamanjung terpaksa dihenti tugas berikutan pencemaran asid hidroklorik ke dalam tangki air *demineralised* yang membekalkan *feed water* kepada ketiga-tiga dandang unit penjanaan. Selain itu, terdapat juga 2 henti tugas tidak berjadual fasiliti gas hulu (*upstream gas facilities*) yang telah mengakibatkan kekangan bekalan gas kepada sektor penjanaan elektrik pada 2 hingga 7 Mei 2014. Tambahan lagi, kehilangan kapasiti pada 7 Mei 2014 daripada Stesen Jana Kuasa Tuanku Jaafar Port Dickson (240MW) dan Stesen Jana Kuasa Kapar (430MW) telah memburukkan lagi keadaan.

Berikutan kekangan dalam kapasiti penjanaan disebabkan oleh henti tugas tidak berjadual unit-unit penjanaan arang batu serta keadaan bekalan gas yang terhad, penggunaan bahan api *distillate* bagi 19 unit penjanaan gas terpaksa dilakukan pada 7 Mei 2014. Penggunaan

distillate sebanyak 15 juta liter bagi unit-unit penjanaan gas turut menyebabkan unit-unit penjanaan tersebut menjana pada tahap yang rendah daripada keupayaan sebenarnya (*deration*). Ini turut menyumbang kepada kekurangan kapasiti dalam sistem.

Tindakan pantas oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memastikan bahawa bekalan elektrik kekal stabil berikutan insiden-insiden yang berlaku di beberapa unit loji janakuasa milik TNB dan *Independent Power Producers* (IPP). Pelaksanaan *Emergency Response Plan* (ERP) yang diaktifkan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) telah berjaya mengekalkan dayaharap sistem bekalan tenaga negara sepertimana yang dirancang. Kerja-kerja pembaikan pada loji-loji janakuasa yang terjejas telah dijalankan dari 7 Mei 2014 hingga lewat pagi 8 Mei 2014 dan telah berjaya meningkatkan kapasiti penjanaan. Pada 8 Mei 2014, kapasiti penjanaan adalah lebih baik berbanding dengan hari sebelumnya dan sistem telah beroperasi seperti biasa.

Pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) juga sentiasa memantau secara terperinci status operasi dan penyelenggaraan berjadual setiap unit-unit penjanaan bagi mengenalpasti *common mode failure* yang boleh

menjejaskan kapasiti tersedia dalam sistem. Bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang, langkah-langkah mitigasi yang dilaksanakan adalah seperti mengkaji semula rizab operasi dan margin rizab sebenar yang diperlukan berdasarkan situasi terkini dan menjalankan kajian-kajian pengoperasian sistem.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mana-mana IPP yang tidak beroperasi selaras dengan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) masing-masing boleh dikenakan denda serta penalti. Antara denda yang dikenakan termasuk pemotongan bayaran kapasiti yang sewajarnya bagi unit-unit yang terlibat.

Bagi proses perolehan kapasiti penjanaan baru, Kementerian ini mengguna pakai tiga kaedah iaitu melalui bidaan terbuka, bidaan terhad dan juga tawaran terus. Kaedah perolehan yang dipilih pada kebiasaannya bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

- i. tempoh masa pelaksanaan yang diperlukan;
- ii. tapak yang sesuai, proses-proses kelulusan; dan
- iii. kos yang kompetitif.

Mengambil kira senario perancangan jangka sederhana, parameter operasi semasa dan bagi memenuhi keperluan sistem, terdapat keperluan untuk mempercepatkan pembinaan loji jana kuasa yang dijadual beroperasi pada 2020 kepada tarikh yang lebih awal pada 2018. Oleh yang demikian, Projek Trek 4 telah dilaksanakan secara tawaran terus kepada *SIPP Energy* dengan kerjasama pihak *YTL Power* dan TNB (Konsortium SIPP-YTL) atas faktor-faktor seperti berikut:

- i. Konsortium SIPP-YTL telah menunjukkan keupayaan untuk menawarkan harga yang kompetitif dalam proses bidaan sebelum ini;
- ii. syarat tender kompetitif bagi skop *Engineering, Procurement and Construction (EPC)* masih diwajibkan; dan
- iii. penetapan pulangan ekuiti yang dibenarkan mestilah bersamaan atau tidak melebihi kadar *Internal Rate of Return (IRR)* yang pernah digunakan seperti dalam bidaan Trek 3B sebelum ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 25

**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sampai bilakah dijangka Kerajaan akan meneruskan pencarian MH370 dan apakah perkembangan terkini usaha mencari tersebut; dan
- (b) apakah rancangan dan tindakan Kerajaan terhadap masa depan syarikat penerbangan Negara (MAS) yang menghadapi musibah dan mengalami kerugian ratusan juta ringgit.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jelebu, sehingga kini, operasi mencari pesawat tersebut telah memasuki Fasa Transisi dengan memberi keutamaan kepada pencarian di bawah permukaan laut. Dalam hubungan ini, operasi mencari pesawat menggunakan kapal udara telah ditangguhkan sementara waktu. Pada masa yang sama, sebuah pesawat *P3 Orion* milik Australia ditempatkan di dalam keadaan bersiap sedia (*on-standby*) di Perth bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan sekiranya berlaku sebarang penemuan pesawat atau serpihan. Pada masa yang sama, beberapa buah kapal laut dari Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China masih kekal ditempatkan di Perth.

Semasa Fasa Transisi ini, 3 aktiviti utama sedang dan akan dijalankan seperti berikut:

- (i) analisis semula data untuk menentu-sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan INMARSAT;
- (ii) menjalankan *bathymetric survey* yang melibatkan kerja-kerja *mapping* dasar laut. Ini akan membolehkan pencarian menggunakan aset-aset *Autonomous Underwater Vehicle* (AUV) yang mempunyai keupayaan tertentu dapat dilancarkan dengan berkesan dan selamat; dan

- (iii) memperoleh perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side scan sonar* bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang ditetapkan.

Kerajaan akan meneruskan operasi pencarian pesawat MAS MH370 sehingga ia dapat dijumpai. Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menamatkan operasi pencarian MH370, Kerajaan perlu mendapatkan persetujuan bersama dengan pihak Republik Rakyat China dan Australia, selaras dengan ketetapan dalam *Annex 12, Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*.

- (b) Kerajaan pada awal tahun ini telah mengarahkan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsi-opsyen penyelesaian terbaik. Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi terdahulu dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian tersebut masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi maksud mengukuhkan kedudukan MAS di dalam menghadapi pelbagai musibah termasuk kerugian ratusan juta ringgit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 9 JUN 2014

RUJUKAN : 6802

SOALAN :

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa ramaikah mereka yang telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah serta dijatuhi hukuman di kalangan mereka yang berfahaman syiah. Apakah pihak KDN akan terus memastikan fahaman songsang agama ini terus dipantau. Jika ya, berapakah bilangan fahaman seumpama ini telah dikenalpasti dan diambil tindakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak berkuasa yang berkaitan fahaman songsang agama ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Manakala Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula memantau dan menilai dari sudut tahap ancaman dan potensi sama ada ianya boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Buat masa ini, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci tentang siasatan yang dijalankan kerana ia dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak Polis. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pihak Polis akan menjalankan proses siasatan berdasarkan dengan izin Tuan Yang Dipertua, "*Standard Operating Procedure*" atau SOP yang telah ditetapkan serta mengikut lunas undang-undang yang berkaitan.